

13/01/2002

Usahawan perlu yakin tindakan kerajaan

SERI KEMBANGAN: Rakyat terutama usahawan negara ini perlu yakin dengan tindakan dan keputusan yang diambil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani pelbagai isu berkaitan ekonomi negara.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata, Perdana Menteri sudah berjaya mengatasi pelbagai masalah ekonomi yang melanda negara.

"Kita perlu percaya dengan kebolehan Perdana Menteri melindungi kepentingan masyarakat negara ini," katanya kepada pemberita pada majlis Akademi Boss 2002, anjuran Persatuan Usahawan Muda, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan bahawa Malaysia melahirkan kebimbangan terhadap kelemahan berterusan nilai yen kerana ia akan memberikan tekanan kepada ekonomi serantau supaya menurunkan nilai mata wang masing-masing.

Dr Mahathir dilaporkan berkata jika keadaan itu berlaku ia mungkin menyebabkan China menurunkan nilai mata wangnya dan jika China berbuat demikian ia akan memaksa Malaysia memikirkan semula tambatan ringgit.

Malaysia menetapkan ringgit pada RM3.80 berbanding setiap dolar Amerika sejak negara menghadapi krisis serantau, bagi mengekang serangan spekulatif terhadap mata wang tempatan.

Terdahulu, dalam ucapannya, Mustapa berkata sikap pelabur dunia yang sudah mengalih pelaburan ke China bukannya jalan mati bagi negara lain termasuk Malaysia.

"Malaysia terus menerima pelaburan dari luar dan sentiasa menghadapi persaingan yang sihat. Malaysia mempunyai pelbagai kelebihan terutama dari segi kemudahan prasarana, sumber manusia, sistem perundangan dan teknologi maklumat," katanya.

Usahawan, katanya, digalakkan menggunakan konsep penanda aras bagi membantu untuk bersaing secara sihat dengan pihak yang lebih maju.

"Dalam era globalisasi konsep penanda aras dengan negara yang lebih maju atau syarikat yang terbaik penting bagi membolehkan kita terus berusaha untuk mencapai taraf yang terbaik dan tertinggi," katanya.

Katanya, konsep itu juga membolehkan pekerja tahu di mana kedudukan syarikat seterusnya memberi ruang untuk terus maju.

Akademi Boss 2002 menyediakan latihan dan pendidikan keusahawanan bagi kakitangan pengurusan tertinggi dan kanan dalam sektor Perindustrian Kecil dan Sederhana (SME) dan industri kecil dan sederhana (IKS) di negara ini.

Kursus yang berlangsung sehingga April depan disertai kira-kira 120 usahawan.

(END)